

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Thursday, April 13, 2017 12:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SAPSP Online: SAPSP anjur Bicara Sosial "Kerja Sosial dan Prosedur Perundangan"



**Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial**
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia

**"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Y.Bhg Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan



BICARA SOSIAL "KERJA SOSIAL DAN PROSEDUR PERUNDANGAN"

SAPSP Online: Satu program perkongsian ilmu iaitu Bicara Sosial yang bertajuk "Kerja Sosial dan Prosedur Perundangan" telah disampaikan oleh Yang Berusaha Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek pada 9 April 2017 bertempat di Dewan Seminar CAS. Tuan Ahmad Razif yang kini menjawat jawatan sebagai Setiausaha/CEO Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, pernah menjadi Penasihat Undang-Undang di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta Ketua Unit Hak Asasi Manusia di Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara.

Antara isi ceramah yang disampaikan beliau adalah berkenaan impak penting laporan psikososial dan laporan akhlak yang disediakan oleh pekerja sosial semasa dibentangkan di mahkamah. Beliau menekankan kepentingan menjadi pekerja sosial yang kompeten dan berkemahiran dalam membuat penilaian menyeluruh terhadap kes klien supaya mahkamah dapat membuat keputusan yang tepat berkaitan kes klien. Program ini yang dianjurkan sempena 20 tahun program Kerja Sosial diperkenalkan di Universiti Utara Malaysia disertai oleh staf dan pelajar-pelajar dari Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial.

Sekian.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.